

Isi dalam hukum ini adalah untuk memberi maklumat tentang peraturan dan tradisi yang berlaku di Malaysia mengenai Harta Sepencarian dan pelaksanaannya. Ia juga memberi maklumat tentang permasalahan yang mungkin muncul dan bagaimana ia boleh diatasi.

## Harta Sepencarian: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia

Ab. Kadir Hj. Muhammad

Penulis adalah ahli undang-undang Islam dan seorang pengajar Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim. Beliau merupakan ahli Majlis Guru Besar Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim dan seorang pengajar di Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim. Beliau merupakan ahli Majlis Guru Besar Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim dan seorang pengajar di Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.

### Abstract

The local tradition of dividing the Harta Sepencarian is accepted as part of the Islamic Law in Malaysia. The term Harta Sepencarian refers to the property jointly acquired by the husband and wife during their marriage. However, the term itself which is the essence of the issue, is differently interpreted by judges and lawyers. The article studies the background of these differences and tries to offer solution.

### Pengertian Harta Sepencarian

Tidak dinafikan pembahagian harta sepencarian merupakan amalan adat yang kemudiannya diterima pakai di Malaysia sebagai sebahagian dari undang-undang Islam.<sup>1</sup> Istilah *Harta sepencarian* ini dipercayai berasal dari hasil usaha bersama suami isteri bagi mendapat sesuatu harta semasa berlangsungnya sesuatu perkahwinan dan membahagi harta tersebut apabila berlakunya perceraian.

Dengan itu timbul istilah *Harta sepencarian*. Dari sini jelas unsur *usaha* memain peranan penting dalam menentukan sesuatu harta itu dianggap sebagai harta sepencarian ataupun tidak.

Bagaimanapun timbul perbezaan pendapat di kalangan pengamal undang-undang di Malaysia mengenai unsur *usaha* yang dianggap sebagai komponen utama dalam menentukan sesuatu harta yang didapat semasa perkahwinan itu sebagai harta sepencarian ataupun tidak. Satu golongan pengamal undang-undang berpendapat sesuatu harta yang didapat semasa perkahwinan tidak boleh dikatakan harta sepencarian kecuali kedua-dua belah pihak memberi sumbangan usaha secara langsung, baik sumbangan tenaga ataupun wang ringgit. Golongan kedua, berpendapat harta yang diperoleh semasa perkahwinan boleh dianggap sebagai

harta sepencarian sekalipun tiada usaha secara langsung. Ini memberi erti bagi pendapat yang kedua ini sesuatu harta yang diperoleh dalam masa perkahwinan boleh dianggap sebagai harta sepencarian sama ada terdapat usaha secara langsung ataupun tidak. Yang ditekankan dalam masalah ini ialah usaha, tanpa membezakan *usaha secara langsung* atau tidak langsung. Tetapi dalam kes-kes terdapat usaha secara tidak langsung kepentingan isteri sahaja diambil kira.

### **Pendapat Pertama, Usaha Secara Langsung**

Pendapat yang berpegang dengan konsep ini dapat dilihat dari kes-kes berikut: Dalam kes *Kamarulzaman @ Roberts lwn. Kalthom*,<sup>2</sup> “Hakim bicara menyatakan harta sepencarian, ialah harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seseorang suami dengan isterinya hasil dari sumber-sumber atau dari usaha mereka bersama”. Yang dimaksudkan dalam kes ini usaha secara langsung sahaja.

Dalam kes, *Hajjah Lijah bt Jamal lwn. Fatimah bt Mat Diah*,<sup>3</sup> Hakim Briggs, menjelaskan harta sepencarian sebagai:

“Sesuatu harta yang diperolehi semasa perkahwinan kerana sumber ataupun usaha bersama.”

Dalam kes ini Hakim Briggs memutuskan Hajjah Lijah berhak mendapat bahagian dari sebidang tanah yang didaftarkan atas nama bekas suami beliau yang meninggal dunia. Keputusan ini dibuat kerana Hajjah Lijah telah mengusahakan tanah kepunyaan beliau bersama-sama bekas suaminya dan hasil dari usaha tersebut mereka telah membeli sebidang tanah yang dipertikaikan. Tanah itu dianggap sebagai harta sepencarian kerana terdapat sumbangan secara langsung dari Hajjah Lijah.

Dalam kes *Wan Mahatan lwn. Hj. Abdul Samad*,<sup>4</sup> Kadi Larut, memutuskan Wan Mahatan tidak berhak mendapat harta yang diperolehi semasa perkahwinan bersama suaminya kerana beliau hanya sebagai suri rumah yang mengurus rumah tangga sedangkan suaminya makan gaji.

Demikian juga dengan keputusan yang dibuat oleh Yang Arif, Haji Yahya bin Darus, pemangku Kadi Besar Wilayah Persekutuan dalam kes *Rokiah lwn. Mohamed Idris*.<sup>5</sup> Hakim memutuskan pemohon tidak berhak mendapat sebahagian harta yang diperolehi dalam perkahwinan dengan suaminya walaupun mereka telah mendirikan rumah tangga selama 35 tahun. Keputusan ini dibuat memandangkan semua harta yang diperolehi adalah hasil usaha tunggal pihak penentang sahaja. Isteri tidak memberi sumbangan apa-apa kerana beliau seorang suri rumah.

Perkara yang sama juga terdapat dalam kes *Zarah lwn. Idris*<sup>6</sup> Mahkamah Syariah Johor menolak tuntutan bekas isteri untuk mendapat sebahagian dari harga rumah yang dibeli semasa perkahwinan mereka. Dalam perbicaraan, yang kena tuntut menjelaskan rumah tersebut dibeli dari wangnya sendiri, tidak terdapat sedikit pun wang sumbangan isteri.

Berdasarkan keputusan-keputusan dan kenyataan di atas ternyata segolongan pengamal undang-undang di Malaysia berpegang kepada konsep *usaha secara langsung*. Dengan itu sesuatu harta yang diperoleh semasa perkahwinan, tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian sekiranya salah satu pihak sahaja yang memberi sumbangan dalam mendapat sesuatu harta. Pihak yang tidak memberi sumbangan secara langsung tidak berhak mendapat apa-apa bahagian dari harta tersebut. Pendapat ini boleh dikatakan didokong oleh kedua-dua aliran pengamal undang-undang sivil dan pengamal undang-undang Islam.

## Kedua, Pendapat Usaha Secara Langsung dan Tidak Langsung

Pendapat ini boleh dilihat dari kes-kes berikut:

Dalam kes *Boto' bt Taha lwn. Jaafar bin Muhammad*,<sup>7</sup> Hakim Tan Sri Salleh Abbas menyatakan harta alih yang diperolehi semasa perkahwinan adalah dianggap sebagai harta sepencarian, walaupun isteri tidak terlibat secara langsung dalam kerja-kerja tersebut, seperti ia mengiringi suami untuk menjalankan urusan perniagaan, tetapi kehadirannya itu dianggap sebagai sumbangan terhadap kejayaan suami.

Jawatankuasa Rayuan Mahkamah Syariah mengenai kes *Rokiah lwn. Mohamed Idris*,<sup>8</sup> di atas tadi memutuskan yang menuntut, iaitu isteri berhak mendapat sebahagian dari harta yang diperoleh semasa perkahwinan tersebut walaupun tanpa usaha secara langsung.

Kerja-kerja beliau dalam mengendalikan rumah tangga dianggap sebagai usaha atau sumbangan beliau bagi sesuatu harta yang diperoleh semasa perkahwinan.

*"Di dalam kes ini harta-harta telah diperolehi di dalam perkahwinan dan oleh kerana isteri yang diceraikan telah menyumbangkan secara tidak langsung kepada perolehan harta itu dengan ia menguruskan rumah tangga dan keluarga dalam masa tiga puluh lima tahun itu, ia berhak mendapat bahagiannya. Oleh kerana itu kami membenarkan rayuan dan memerintahkan pihak menentang memberi satu pertiga harta-harta yang disebut di bawah ini..."*

Dalam kes *Noor Bee lwn. Ahmad Shanusi*,<sup>9</sup> Haji Harussani, Kadi Besar Pulau Pinang menjelaskan:

*"Harta sepencarian diluluskan oleh Syara' atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawa rumah tangga dan suami keluar mencari nafkah. Isteri menurut Syara' berhak mendapat orang gaji dalam mengurus rumah tangga. Jika tidak maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah tangga hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami"*

Demikian dalam kes *Haminahbe lwn. Samsudin*,<sup>10</sup> Yang Arif Kadi Besar di atas menjelaskan:

*"Haminahbe binti Hassan sepanjang perkahwinan dengan Samsudin bin Hasain telah berlaku sebagai isteri dan telah membuat kerja-kerja yang lazim dilakukan oleh seorang isteri dengan sepenuhnya tanpa mendapat pertolongan dari orang gaji, maka itu segala penghasilan sepanjang hidup perkongsian bolehlah dianggap hasil bersama"*

Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Kadi Besar Wilayah Persekutuan dalam kes *Yang Cik Iwn. Abdul Jamal*<sup>11</sup> telah memetik pendapat dari al-Majmu' :

*"Tidak wajib ke atas perempuan berkhidmat kepada suami seperti membuat roti, menumbuk gandum ... dan lain-lain ... kerana akad nikah ke atas suami bagi pihak perempuan tujuannya adalah bersuka-sukaan, tidak wajib ke atas perempuan selain dari itu menjalankan kerja-kerja rumah seperti memasak dan sebagainya"*

Berdasarkan petikan tersebut Yang Arif membuat kesimpulan kerja-kerja tidak secara langsung yang dilakukan oleh isteri boleh dianggap sebagai usaha. Dengan itu sesuatu harta yang diperoleh semasa perkahwinan boleh dianggap sebagai harta sepencarian sekiranya terdapat usaha-usaha isteri sama ada secara langsung ataupun tidak secara langsung.

Dari kes-kes di atas jelas segolongan pengamal undang-undang berpegang dengan konsep usaha secara umum sama ada secara langsung atau usaha secara tidak langsung sekiranya pihak yang berkepentingan itu isteri. Pendapat ini boleh dikatakan dianuti oleh kedua-dua golongan pengamal undang-undang, tetapi sebahagian besarnya dianuti oleh pengamal undang-undang Islam di Malaysia, khusus pengamal undang-undang Islam terkini. Pendapat yang kedua ini diperuntuk secara jelas dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Selangor.

### **Sebab-sebab Berlaku Perbezaan Pendapat**

Perbezaan pendapat adalah dipercayai berpunca dari perbezaan tanggapan terhadap pengertian perkataan *sepencarian*. Golongan pertama mungkin melihat kepada erti perkataan tersebut dari sudut pemakaian biasa dan juga berdasarkan pengamalan yang berlaku mengikut adat. Mengikut Kamus Dewan pencarian adalah berasal dari perkataan cari, iaitu berusaha untuk mendapat sesuatu.<sup>12</sup> Pengertian dari sudut bahasa ini jelas mengandungi unsur-unsur usaha secara langsung. Dengan itu tidak boleh dikatakan harta sepencarian sekiranya salah satu pihak tidak memberi sumbangan secara langsung terhadap harta tersebut. Demikian juga dengan pengamalan adat yang berlaku. Dalam zaman tradisional boleh dikatakan kedua-dua belah pihak sama-sama berusaha mencari harta. Apabila berlaku perceraian, maka harta itu akan dibahagi bersama. Dipercayai berdasarkan pengertian inilah golongan pertama tidak menganggap sebagai harta sepencarian bagi usaha tidak secara langsung.

Golongan kedua pula mempunyai tanggapan yang lebih luas tentang pengertian usaha. Ia mencakupi usaha secara langsung dan tidak langsung isteri. Usaha tidak secara langsung isteri boleh diambil kira dalam menentukan harta sepencarian adalah dipandang dari sudut hukum Syara'. Dengan itu ternyata konsep ini telah berubah dari konsep awal yang diamalkan mengikut adat.

Dari kes-kes dan alasan-alasan tersebut jelas kedua-dua golongan tidak mempunyai perbezaan yang luas disegi prinsip.

Kedua-duanya berpendapat unsur usaha memainkan peranan penting dalam menentukan harta yang diperolehi dalam sesuatu perkahwinan itu sebagai harta sepencarian ataupun tidak. Namun terdapat sedikit perbezaan di antara dua golongan ini. Bagi golongan pertama usaha secara langsung sahaja diambil kira, sama ada dalam bentuk wang ringgit atau tenaga secara langsung oleh isteri.

Bagi golongan kedua berpegang kepada konsep usaha semata-mata sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh isteri.

Dari kedua-dua pendapat di atas ternyata pendapat golongan kedua adalah lebih sesuai diterima pakai dalam menangani kes tuntutan harta sepencarian. Pendapat ini lebih bertepatan dengan dalil-dalil Syara' yang tidak mewajibkan seseorang isteri menjalankan kerja-kerja rumah. Apabila para isteri menjalankan kerja-kerja tidak secara langsung, maka kerja-kerja itu boleh dianggap sebagai sumbangan beliau terhadap sesuatu harta yang diperoleh semasa perkahwinan.

Dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, harta sepencarian didefinisikan sebagai berikut:

*"Harta Sepencarian ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum Syara'"*

Definisi ini terdapat dalam Akta Wilayah Persekutuan, Enakmen, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Terengganu, Melaka, Kelantan dan Perlis.<sup>13</sup>

Pahang dan Perak pula mendefinisikan:

*"Harta Sepencarian" ertinya pendapatan atau harta yang didapati daripada usaha bersama di antara suami dan isteri dan termasuklah pendapatan yang didapati daripada modal di antara suami isteri"*<sup>14</sup>

Selangor dalam Undang-undang Keluarga Islam pindaan tahun 1989, mendefinisikan:

*"Harta Sepencarian ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri, sama ada secara langsung atau tidak langsung, semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum Syara"*<sup>15</sup>

Kedah tidak mendefinisikan secara khusus, kecuali memperuntukan apabila berlaku perceraian, mahkamah boleh memerintah membahagikan apa-apa aset yang

diperolehi bersama dalam masa perkahwinan.<sup>16</sup>

Dari berbagai pentafsiran, nampaknya Selangor menerima pakai pendapat yang kedua. Peruntukan yang terdapat di Selangor ini nampaknya lebih kemas dan tepat berbanding dengan lain-lain peruntukan. Bagi negeri-negeri lain tidak dinafikan ia mempunyai maksud yang sama dengan yang di Selangor, tetapi di segi penggubalan sahaja agak longgar.

### **Usaha Suami Tidak Secara Langsung**

Sebagaimana dijelaskan, isteri yang memberi sumbangan tidak secara langsung berhak mendapat bahagian harta yang diperolehi semasa perkahwinan. Harta-harta itu dianggap sebagai harta sepencarian kerana kerja-kerja tidak secara langsung oleh isteri boleh dianggap sebagai sumbangannya terhadap harta tersebut.

Dengan itu timbul persoalan mengenai usaha suami tidak secara langsung. Misalnya suami tinggal di rumah menjaga anak-anak dan sebagainya, manakala isterinya keluar bekerja dengan izin suami.

Hasil dari pendapatan tunggal, isteri membeli harta semasa perkahwinan tersebut. Apakah harta yang dibeli dari usaha tunggal isteri itu boleh dianggap sebagai harta sepencarian atau sebaliknya. Kalau dianggap harta sepencarian suami berhak mendapat harta tersebut dan kalau sebaliknya suami tidak berhak mendapat apa-apa.

Sebagaimana dijelaskan isteri yang tidak bekerja berhak mendapat sebahagian harta yang diperolehi semasa perkahwinan kerana mereka tidak wajib melaksanakan kerjakerja tersebut. Ini bererti apabila mereka melaksanakan urusan rumahtangga, maka tenaga tersebut boleh dianggap sebagai sumbangan kepada harta yang didapatkan semasa perkahwinan. Apakah hal yang sama boleh dikiaskan kepada lelaki. Kalau dilihat kepada dalil Syara' perkara ini tidak boleh disamakan, kerana pada asal lagi suami dibebankan dengan tanggungjawab terhadap isteri sebagai firman Allah yang bermaksud:

*"Lelaki itu pemimpin bagi kaum perempuan dengan apa yang Allah telah melebihi sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan) dan dengan apa yang telah mereka menafkahkan sebahagian dari harta-harta mereka"*

(al-Nisa':34)

Ayat di atas menerangkan suami perlu menyediakan segala keperluan isteri. Menjaga anak dan lain-lain keperluan urusan rumahtangga sebenarnya menjadi tanggungjawab suami. Dengan itu kerja-kerja tidak secara langsung suami tidak boleh dianggap sebagai sumbangan beliau terhadap harta yang diperolehi dalam sesuatu perkahwinan. Berasaskan hujah ini ternyata suami tidak berhak mendapat sesuatu harta yang diperoleh dalam sesuatu perkahwinan tanpa sumbangan secara langsung kerana harta-harta itu tidak boleh diistilahkan sebagai harta sepencarian.

Tetapi kalau dirujuk kepada pentafsiran-pentafsiran di atas dan peruntukan

yang memperuntukkan bahawa mahkamah mempunyai kuasa memerintah pembahagian harta yang diusaha secara tunggal satu pihak dibahagi antara pihak terlibat,<sup>17</sup> maka suami tersebut turut berhak mendapat harta yang diperolehi semasa perkahwinan sama ada ia memberi sumbangan tidak langsung atau tidak memberi sumbangan apa-apa. Kedua-dua peruntukan itu umum, mencakupi suami dan isteri.

Dengan itu timbul persoalan atas pegangan mengenai penggubalan peruntukan tersebut dari sudut hukum Syarak. Berlandaskan dalil Syarak atas pembahagian harta yang diperolehi dalam sesuatu perkahwinan ialah kerana wujudnya unsur usaha dan unsur ini diterima secara rasmi dalam peruntukan. Cuma timbul sedikit perbezaan dalam perlaksanaan. Sebahagian berpendapat mestilah usaha secara langsung. Manakala sebilangan besar berpendapat usaha secara tidak langsung juga boleh diambil kira sekiranya pihak yang satu lagi itu perempuan. Dalam perlaksanaan terakhir rata-rata bersetuju dengan pendapat kedua. Bagaimanapun membahagi harta secara usaha tunggal tidak diperuntukkan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan dan Perak dan ini lebih sesuai.

Berdasarkan kenyataan di atas nampaknya peruntukan membahagi harta yang diusaha secara tunggal kurang menepati dengan amalan adat yang diiktiraf sebagai sah mengikut Syara'. Dengan terdapatnya peruntukan seumpama ini suami turut berhak mendapatbahagian dari harta yang diperolehi semasa perkahwinan sama ada ia memberi sumbangan secara tidak langsung ataupun tidak memberi sumbangan langsung. Sedangkan ini kurang menepati Syarak.

### Kadar Pembahagian

- "(1) *Diperuntukkan Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafadz talak atau membuat sesuatu perintah perceraian, memerintah apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama merekadibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu:*
- (2) *Pada menjalankan kuasa diberi oleh sub-seksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil kira perhatian tentang:*
- (a) *Tahap sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja-kerja bagi membolehkan aset-aset itu;*
  - (b) *Apa-apa hutang piutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;*
  - (c) *Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu Mahkamah hendaklah membuat bahagian yang sama banyak"*

Peruntukan di atas terdapat dalam Enakmen Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Selangor, Johor, Perlis, Terengganu, Kedah dan Melaka.<sup>18</sup>

Difahamkan dari peruntukan di atas harta sepencarian seboleh-bolehnya dibahagi sama banyak selepas diambil kira ketiga-tiga faktor di atas. Tetapi apabila dirujuk kepada peruntukan berikutnya pembahagian itu berdasarkan sumbangan yang diberi.<sup>19</sup> Dengan itu timbul kekeliruan di antara dua peruntukan tersebut.

Mungkin untuk mengelak kekeliruan tersebut Enakmen Negeri Kelantan tidak memperuntukkan pembahagian sama banyak sebagaimana peruntukan di atas. Sebaliknya terus memperuntukkan pembahagian yang saksama mengikut usaha, modal dan tenaga. Demikian juga dengan negeri Pahang dan Perak.<sup>20</sup>

Dari kes-kes yang diputuskan pembahagian harta sepencarian ini berlaku disekitar 1/2 atau 1/3 untuk isteri dan 2/3 untuk suami.

Dalam kes *Haminah lwn. Samsudin*,<sup>21</sup> Kadi Besar Harussani, membahagikan harta semasa perkahwinan atau harta sepencarian atas kadar 1/2 seorang bagi sebuah rumah yang berharga RM7,000, iaitu sebanyak RM3,500 bagi seorang. Dalam kes ini isteri tidak bekerja kecuali sebagai suri rumah. Dalam kes *Re Elang, Re Kulup Degor lwn. Niat*,<sup>22</sup> Hakim E.N. Taylor berkata, jika perempuan turut bercucuk tanam ia berhak mendapat sehingga 1/2 bahagian.

Dalam kes *Rugayah lwn. Bujang*,<sup>23</sup> mahkamah memutuskan isteri berhak mendapat separuh dari nilai harta yang diperolehi semasa perkahwinan. Dalam kes ini isteri tidak bekerja kecuali sebagai suri rumah. Dalam kes *Hajjah Saudah lwn. Hanafi* dan lain,<sup>24</sup> Mahkamah Kadi Besar Kelantan, memutuskan pembahagian sama banyak.

Dalam kes ini isteri bekerja menjahit baju dan menjual kain. Usaha-usahanya itu mendatangkan wang. Di sini terdapat usaha secara langsung dari isteri.

Dalam kes *Rokian lwn. Mohd Idris* yang disebut di atas, Jawatankuasa Rayuan, memutuskan isteri mendapat 1/3 dari harta sepencarian. Dalam kes ini isteri tidak bekerja, ia hanya sebagai suri rumah sahaja. Dalam kes *Jaliah bt Hassan lwn. Abu Bakar*.<sup>25</sup> Mahkamah Kadi Besar Pahang memperakukan persetujuan mereka berdua membahagikan 1/3 bukan dari perkakas rumah dan 1/2 harta perkakas rumah. Dalam kes ini isteri juga sebagai suri rumah.

Berdasarkan kes-kes di atas dapat disimpulkan prinsip yang digunakan dalam menetap kadar pembahagian oleh kebanyakan Hakim bicara ialah prinsip sumbangan. Kalau sumbangan secara langsung, baik berbentuk tenaga ataupun wang ringgit maka pembahagian adalah sama banyak. Ini tanpa melihat isteri seorang yang makan gaji ataupun tidak. Kalau sumbangan tidak secara langsung, iaitu isterinya sebagai suri rumah sahaja, maka mahkamah memutuskan isteri berhak mendapat 1/3. Prinsip kadar pembahagian berdasarkan sumbangan adalah satu prinsip yang adil. Tetapi dalam kes tertentu diputuskan isteri berhak mendapat 1/2 walaupun suri rumah, tanpa sumbangan secara langsung. Ini seperti yang diputuskan oleh Kadi Besar Harussani dalam kes di atas. Mahkamah mempunyai asas yang kuat memutuskan isteri berhak mendapat separuh walaupun

ia sebagai suri rumah.

Kadar berdasarkan prinsip usaha yang dilakukan oleh pengamal undang-undang adalah satu prinsip yang adil. Berdasarkan prinsip ini kemungkinan boleh diputuskan isteri berhak mendapat kadar yang lebih dari separuh sekiranya mereka memberi sumbangan yang lebih besar.

### Perceraian Mati

Di dalam Enakmen-enakmen Keluarga Islam, ada diperuntukkan:

*"Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat sesuatu perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama dibahagi antara mereka.<sup>26</sup>*

Kalau dilihat kepada peruntukan di atas mahkamah hanya berbidang kuasa membahagi harta sepencarian sekiranya berlaku perceraian hidup sama ada perceraian dengan lafaz talak atau dengan lain-lain bentuk perceraian dengan perintah mahkamah.

Sebaliknya mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa membicarakan kes tuntutan harta sepencarian sekiranya perceraian itu berlaku kerana perceraian mati.

Tetapi Mahkamah Kadi Besar Kelantan memutuskan harta sepencarian boleh dituntut sekalipun perceraian berlaku disebabkan perceraian mati. Kes ini boleh dilihat dalam kes *Hajjah Saudah lwn. Hanafi* dan lain-lain.<sup>27</sup>

Saya lebih bersetuju dengan apa yang diputuskan oleh Mahkamah Kadi Besar Kelantan di atas. Keputusan tersebut adalah satu keputusan yang lebih adil dan sesuai dengan definisi harta sepencarian yang diberi dalam peruntukan. Apabila disabit sebagai harta sepencarian, maka mereka tetap berhak kepada harta tersebut, tanpa mengira sama berlaku perceraian hidup ataupun perceraian mati.

### Kesimpulan

Pembahagian harta sepencarian adalah tidak bertentangan dengan hukum Syarak walaupun pada asalnya amalan ini merupakan amalan adat. Hukum adat boleh diterima pakai dengan hukum Syarak walaupun pada asalnya amalan ini merupakan amalan adat. Hukum adat boleh diterima pakai selagi tidak bertentangan dengan hukum Syarak. Unsur usaha memain peranan penting dalam menentukan sesuatu harta itu harta sepencarian ataupun tidak. Berdasarkan unsur tersebut, maka harta sepencarian tidak tergugur kerana perceraian mati. Kadar pembahagian yang berasaskan kadar usaha adalah satu konsep yang adil.

Namun begitu beberapa peruntukan yang berkaitan dengan harta sepencarian ini perlu disemak kembali, khususnya peruntukan mengenai harta sepencarian hanya boleh dituntut hanya kerana berlaku perceraian hidup. Demikian juga

peruntukan membahagi harta yang didapati secara usaha tunggal. Selain dari itu peruntukan mengambil kira mengenai nafkah anak sebelum membahagi harta sepencarian juga perlu disemak kerana ia mempunyai peruntukannya yang tersendiri. Demi untuk mengelak kekeliruan perlu diperuntukan yang disemak diseragamkan antara negeri-negeri.

#### NOTA HUJUNG

1. Md. Akhir bin Haji Yaacob. "Harta Sepencarian", *JH*, VI, Bhg. 2 (1405); 36.
2. *MLJ* (1966), 163.
3. *MLJ* (1950), 63.
4. Taylor, 1937, (*JMBRAS*), pt. 25. dlm. *JH*, J. VII, Bhg. 1, (1405).
5. *JH*, J. VII, Bhg. 1, (1410), 272.
6. *JH*, (1405/1984), (2): 186.
7. Lihat Md. Akhir Hj. Yaacob, *op.cit.*, dlm. *JH*, (1405): 41.
8. *JH*, (1410): 112.
9. *Ibid.*
10. *Ibid.*
11. *Ibid.*
12. *Kamus Dewan*, 1993, h. 196.
13. Akta/Enakmen Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis, Sabah, Sarawak dan Johor, sek. 2.
14. Enakmen Keluarga Islam Perak dan Pahang, sek. 2.
15. Enakmen Keluarga Islam Selangor, sek. 2.
16. Enakmen Keluarga Islam Kedah, sek. 49(1).
17. Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perlis 58(3), Terengganu 57(3), Melaka 46(3), Pahang 59(3), Kedah 49(3), Sabah 60(3).
18. Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perlis 58(2), Terengganu, 57(2), Melaka 46(2), Kedah 49(2), Sabah 60(2).
19. *Ibid*, 58(4), 57(4), 46(4), 49(4), 60(4).
20. Kelantan 46(2), Perak 54(2), Pahang 59(2).
21. *JH*, 2(1979): 7.
22. *JMBRAS*, (1937), Part 1, h. 41.
23. *JH*, (1410H), J. VI, Bhg. II.
24. *Ibid*, (1412): 69.
25. *JH*, (1410), J. VII, Bhg. I.
26. Lihat nota kaki no. 19, 58(1), 57(1), 46(1), 49(1), 60(1); nota kaki no. 21 46(1), 54(1), 59(1).
27. *JH* (1412/1992): 66.